

**HUKUMAN SEBAT: KAJIAN DARI PERSPEKTIF
HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG
JENAYAH DI MALAYSIA**

MAZLAH BT YAACOB

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

ABSTRAK

Secara umum, kajian ini cuba menjelaskan secara perbandingan antara konsep dan pelaksanaan hukuman sebat menurut hukum Islam serta undang-undang jenayah di Malaysia. Kajian dalam disertasi ini ditumpukan kepada peruntukan-peruntukan kesalahan yang membawa hukuman sebat dalam undang-undang jenayah di Malaysia, termasuklah undang-undang kesalahan jenayah Syariah yang ditadbirkan di negeri-negeri serta kaedah-kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan hukuman tersebut. Analisis dibuat secara perbandingan dengan hukuman sebat menurut hukum Islam. Kajian mendapati terdapat perbezaan peruntukan kesalahan-kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman sebat menurut hukum Syarak di Mahkamah Syariah dan undang-undang jenayah lain di Mahkamah Sivil. Kaedah pelaksanaannya juga berbeza. Antaranya ialah dari segi tempat pelaksanaan, pengecualian hukuman, serta perlaksanaan hukuman sebat itu sendiri. Kajian juga mendapati dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah, peruntukan-peruntukan yang ada tidak seragam antara negeri-negeri, bahkan terdapat juga negeri-negeri yang masih belum mempunyai kaedah untuk melaksanakan sebat syariah. Hukuman sebat yang dijatuhi dalam penghakiman juga paling minimum. Sehingga kajian ini dijalankan hanya negeri Kelantan sahaja didapati pernah menjatuhi hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah syariah. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi konsep dan pelaksanaan hukuman tersebut termasuk kaedah sebatan jenayah syariah yang terdapat di negeri-negeri yang juga perlu kepada pengubahsuaian sebagai mana yang dikehendaki menurut hukum Syarak.

ABSTRACT

This research aims at comparing the concept of whipping punishment as prescribed by the Islamic Law and the existing criminal law as practised in Malaysia. The focus of this study is on the types of crimes committed that lead to whipping as stipulated by the Malaysian criminal law. This study looks specifically into Syariah Criminal Offences Acts as administered by the state authorities in Malaysia. The result of the analysis reveal that there are differences between the offences that lead to whipping in the syariah criminal law and the existing criminal law practised by the civil courts in Malaysia. Moreover the implementation of the punishment also shows differences. Among others, are the venue of execution, the exception granted and the execution process itself. This study also reveals that the enforcement of syariah criminal law has not been consistent in the state throughout Malaysia and there are states which are still without proper method or procedures to implement the punishment. So far only Kelantan has been found to convict and punish criminals in accordance with the syariah criminal law. In short, this study has discovered that there are significant differences in the concept and the execution of punishment including the method of whipping laid out in Syariah Criminal Law as enforced by the state authorities in Malaysia. Thus immediate steps have to be taken to standardize the implementation and the execution of syariah criminal law in Malaysia to make it in conformity with the Islamic law.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Ilahi, tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Salawat dan Salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta umat Islam seluruhnya. Sesungguhnya hanya dengan limpahan rahmat serta 'inayah daripada Nya jualah penulis tugas ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia disertasi ini iaitu Professor Madya Dr. Suwaid bin Tapah, pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau telah banyak memberi motivasi, panduan dan bimbingan berguna kepada penulis sepanjang menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak berikut yang mana telah memberikan kerjasama yang amat baik kepada penulis dalam mendapatkan maklumat, fakta serta pendapat bagi memenuhi keperluan kajian ini. Antaranya ialah Yang Amat Arif Ketua Hakim Syar'ie Wilayah Persekutuan Tuan Haji Hussin Bin Ahmad, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syar'ie negeri Kelantan Yang Berbahagia Dato' Hj Daud Bin Mohamad, Yang Arif hakim-hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu iaitu Tuan Haji Abdul Aziz Bin Mohamad dan Tuan Haji Abdul Rahman, Ibu pejabat PDRM Bukit Aman terutamanya kepada ASP Tuan Rasdi Ramli serta pegawai-pegawai beliau, Ibu pejabat Penjara Kajang

terutamanya PPP Sabri Ismail, IPP Masran Mohamad dari Penjara Kajang yang bermurah hati meluangkan masa dalam kesibukan beliau sudi memberikan kerjasama yang sangat baik kepada penulis semasa mengadakan temu bual dengan pihak penjara. Seterusnya kepada Bahagian Unit Risikan Jenayah Ibu pejabat Polis Kontinjen Selangor terutamanya Ketua Inspektor Unit Risikan Jenayah iaitu Tuan Samsolnizam Bin Kassir , kepada Encik Che Abdul Khawi bin Che Abdul Rahman daripada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan juga kepada Encik A. Suhaili bin Ledi selaku Pendaftar Mahkamah Syariah Sarawak. Terima kasih juga kepada Sarjan Abdul Malik Abdul Hamid di Kuarters Penjara Sungai Buloh. Atas segala kerjasama dan bantuan yang telah dihulurkan penulis mendoakan semoga Allah Taala membalaunya dengan sebaik-baik balasan di dunia dan akhirat.

Selain itu dikesempatan ini juga penulis ingin mengucapkan jutaan terima ksh kepada kakitangan Perpustakaan PTAR I UiTM Shah Alam, Perpustakaan PTAR II UiTM Shah Alam, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Professor Ahmad Ibrahim Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan lain-lain kerana membantu kerja-kerja pengumpulan data-data serta maklumat kajian. Terima kasih juga kepada pemilik Maktabah *Sofwan-Zarina* kerana bermurah hati meminjamkan buku-buku rujukan. Atas kemurahan itu didoakan semoga kehidupan diselubungi keberkatan serta rezeki yang melimpah daripada Allah

s.w.t.

Penghargaan juga ditujukan kepada ayahanda dan bonda tercinta iaitu Hj Yaacob Deris dan Hajjah Aminah Hj Mamat @ Mohamad, suami tercinta Hj. Othman bin Che Yaacob serta lima orang permata hati penulis iaitu Ammar Atifie (11 thn), Mohd. Munqeez Syahmi (9 thn), Imtiyaz Wizni Aufa (5 thn), Muhd. Zil Azfar (3 thn) dan Ilham Hanina Madiha (10 bln). Sokongan, kasih sayang dan pengorbanan yang diberikan adalah sumbangan yang terlalu tinggi nilainya. Semoga semuanya memperolehi kebahagiaan hidup yang berkekalan dunia dan akhirat, insya'Allah.

Kepada sahabat handai serta semua pihak yang telah menghulurkan bantuan dan sokongan samada secara langsung atau tidak langsung juga diucapkan terima kasih. Semoga Allah Ta'ala membala segala kebaikan itu dengan kebaikan yang berganda-ganda. Amin Ya Rabb al-Alamin.

DAFTAR ISI

HUKUMAN SEBAT: KAJIAN DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

Tajuk	Halaman
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Daftar Isi	vii
Transliterasi	xi
Senarai Kependekan	xiii
Senarai Kes	xv
Senarai Statut	xvi
Senarai Jadual Dan Lampiran	xviii
Pendahuluan	xix

BAB 1: HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

TAJUK	HALAMAN
1.1 DEFINISI SEBAT	1
1.2 PERUNTUKAN SEBAT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH	6

1.3	PENDAPAT FUKAHA TENTANG HUKUMAN SEBAT BAGI KESALAHAN HUDUD DAN TAKZIR	10
1.4	HUKUMAN SEBAT DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA	26
	1.4.1 Undang-Undang Jenayah Sivil	
	1.4.2 Undang-Undang Jenayah Syariah	
1.5	OBJEKTIF HUKUMAN SEBAT MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH	32
BAB II: KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA		
2.1	JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM	52
	2.1.1 Kesalahan Zina	
	2.1.2 Kesalahan Qadhab	
	2.1.3 Kesalahan Minum Arak	
	2.1.4 Kesalahan Takzir	
2.2	KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL DI MALAYSIA	75
	2.2.1 Kanun Keseksaan [Akta 574]	
	2.2.2 Akta senjatapi 1960 dan Akta senjatapi (penalti lebih berat) 1971 [Akta 37]	
	2.2.3 Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234]	
	2.2.4 Akta memperbaharui Undang-Undang(Penghapusan Samsu Gelap) 1988 [Akta 711]	
	2.2.5 Akta penculikan 1961 [Akta 365]	
	2.2.6 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]	

2.3 KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT MENURUT AKTA/ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA	88
2.3.1 Kedudukan Hukuman Sebat Syariah Dalam Akta/Enakmen	
2.3.2 Prinsip Hudud dan Takzir Dalam Hukuman Sebat Syariah di Malaysia	
2.4 BILANGAN SEBATAN MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA	94
2.4.1 Bilangan Sebatan Menurut Hukum Islam	
2.4.2 Bilangan Sebatan Dalam Undang-Undang Jenayah Sivil di Malaysia	
2.4.3 Bilangan Sebatan Menurut Undang-Undang Jenayah Syariah	
BAB III : PELAKSANAAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA	
3.1 PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM	107
3.1.1 Taraf Kesihatan Pesalah	
3.1.2 Pakaian Semasa Menjalani Hukuman	
3.1.3 Posisi Pesalah Semasa Menerima Hukuman	

3.1.4	Sasaran Sebat	
3.1.5	Alat Sebatan	
3.1.6	Spesifikasi Alat Sebatan	
3.1.7	Kekuatan Pukulan	
3.1.8	Masa dan Tempat Pelaksanaan Hukuman	
3.2	PELAKSANAAN SEBAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA	125
3.2.1	Pelaksanaan Mengikut Kanun Prosedur jenayah	
3.2.1.1	Masa Pelaksanaan Hukuman Sebat	
3.2.1.2	Alat Sebatan	
3.2.1.3	Sasaran Sebat	
3.2.1.4	Kekuatan Pukulan	
3.2.1.5	Pakaian Semasa Menjalani Hukuman	
3.2.1.6	Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat	
3.2.1.7	Syarat-Syarat Semasa Hendak Menjalankan Hukuman	
3.2.1.8	Hukuman Sebat Sebagai Salah Satu seksaan Bagi Jenayah Berat	
3.2.2	Pelaksanaan Mengikut Undang- Undang Jenayah Syariah	
3.2.2.1	Realiti Semasa	
3.2.2.2	Cara Hukuman Sebat Dijalankan di Kelantan	
BAB IV: RUMUSAN DAN SARANAN-SARANAN		
4.1	RUMUSAN	158
4.2	SARANAN-SARANAN	170
4.3	PENUTUP	182

TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan dalam kajian ini berpandukan kepada *Buku Panduan Penulisan Tesis/Dissertasi Ijazah Tinggi*, terbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya tahun 2001. Sistem ejaan selain dari perkataan transliterasi pula berpandukan kepada Kamus Dewan Bahasa (2002), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. HURUF

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	A	ط	T
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	'
ث	TH	غ	GH
ج	J	ف	F
ح	H	ق	Q
خ	KH	ك	K
ذ	D	ل	L
ڏ	DH	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	و	W
س	S	ه	H
ش	SY	ء	'
ص	Ş	ى	Y
ض	Đ	ة	T

B. VOKAL

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
í	a	í	á	ai	ay
í	i	í	í	aw	
í	u	í	ú	iy/í	
				uw	uvw

SENARAI KEPENDEKAN

Akta 574	Kanun Keseksaan
Akta 206	Akta Senjata 1960
Akta 37	Akta Senjatapi (penalti lebih berat) 1971
Akta 234	Akta Dadah Merbahaya 1952
Akta 165	Akta Memperbaharui Undang-Undang [Penghapusan samsu gelap] 1976
Akta 365	Akta penculikan 1961
Akta/Enakmen	Akta Kesalahan jenayah Syariah/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah
AJCL	American Journal of Comparative Law
Bil	Bilangan
CJ	Chief Justice
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	Doktor
En.	Encik
Et.al	Dan penulis-penulis yang lain
Hj.	Haji
Hal.	Halaman
Ibid.	Singkatan <i>ibidem</i> . Ia berasal dari bahasa Latin yang bererti pengarang serta tajuk buku sama dengan rujukan yang sebelumnya.
IPP	Inspektor Penguasa Penjara

Infra	Daripada bahasa Latin yang bermakna “di atas” iaitu sesuatu yang akan dibincangkan kemudian.
Lwn.	Lawan
M.L.J	Malayan Law Journal
No.	Nombor
Op.cit	Singkatan dari Opere Citato, dari bahasa Latin yang bererti pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya tetapi berbeza halaman dan diselangi dengan rujukan yang lain.
PPP	Pegawai penguasa Penjara
Prof	Professor
PP	Public Prosecutor
R.'A	Rādiyallāhu 'Anhu/'anhum
S.'A.W.	Šallallāhu 'alayhi Wa sallam
S.W.T.	Subḥānahu Wa Ta'ālā
Supra.	Daripada bahasa Latin yang bererti sesuatu perkara yang telah disebutkan di bawah atau terdahulu.
Tn.	Tuan
Terj.	Terjemahan
T.T.P	Tiada tempat penerbitan
T.P	Tiada Penerbit
Y.A.A	Yang Amat Arif

SENARAI KES

1. *Lim Tien Hin & Ors* [1953], *MLJ* 213
2. *Muhammad Ali* [1956] *MLJ* 84
3. *Kharudin* [1969], 1 *MLJ* 45
4. *Public Prosecutor lwn Oon Lai Hin* [1984], *MLJ LEXIS* 556
5. *Public Prosecutor lwn Roslan Bin Imun* [1999], *MLJ LEXIS* 713
6. *Ong Lai Kim lwn Public Prosecutor And Other Appeals* [1991], *MLJ LEXIS* 179
7. *Cohen Lorraine Philis & Anor lwn Public Prosecutor* [1989], 3 *MLJ* 289
8. *Public Prosecutor lwn Lee Tak Keong* [1988], *MLJ LEXIS* 825
9. *Low Thim Fatt lwn Public Prosecutor* [1988], *MLJ LEXIS* 824
10. *Lee Chow Meng lwn Public Prosecutor* [1976], *MLJ* 387
11. *Public Prosecutor lwn Darmalingam* [1987], *MLJ LEXIS* 308
12. *Datuk Hj. Harun Bin Idris & Ors lwn Public Prosecutors* [1978] 1 *MLJ* 240
13. *Pendakwa Syar'ie Kelantan lwn. Yusundy dan lain-lain* [1989] 9 *JH* 206
14. *PP lwn Peter Ting Chiong King*, [1987], *MLJ* 42 [1984] *MLJ LEXIS* 725
15. *PP lwn Amuar Layani bin Saidon* [2001] 3 *MLJ* 515, [2001] *MLJ LEXIS* 627
16. *Loh Hock Seng & Anor lwn Pendakwaraya* [1980] 2 *MLJ* 13

SENARAI STATUT

1. Kanun Keseksaan [Akta 574]
2. Akta Senjata 1960 [Akta 206]
3. Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat)1971 [Akta 37]
4. Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234]
5. Akta Memperbaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap)1976
[Akta 165]
6. Akta Pencolekan 1961 [Akta 365]
7. Akta Penjara 1995 (Akta 325)
8. Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]
9. Peraturan-Peraturan Penjara No.18 Tahun 2000
10. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan No. 2 Tahun 1985
11. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak Bil.3 Tahun 1992
12. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan No.4 Tahun 1992
13. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang Bil. 3 Tahun 1996
14. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor No. 9 tahun 1995
15. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor No. 4 Tahun 1997
16. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah No.3 Tahun 1995
17. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Negeri Terengganu Bil. 7
2001
18. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang
1982 No.8 (Pindaan Tahun 1987)

19. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1997
[Akta 559]
20. Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka No.6 Tahun 1991
21. Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Johor No. 3 1997
22. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) Bil.5 tahun 2001
23. Enakmen Acara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Bil.4 1996
24. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002
25. Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Negeri Kelantan 1987
26. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) [Akta 560]
27. Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]

SENARAI JADUAL

- Jadual 1** Jenayah Indeks di Malaysia 1976-1985
- Jadual 2** Jenayah Indeks di Malaysia 1999-2002
- Jadual 3** Sebat di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]
- Jadual 4** Sebat di bawah Akta 206 dan Akta 37
- Jadual 5** Sebat di bawah Akta 234
- Jadual 6** Sebat di bawah Akta 711
- Jadual 7** Sebat di bawah Akta 365
- Jadual 8** Sebat di bawah Akta 155 dan 150
- Jadual 9** Kesalahan yang boleh dihukum sebat dalam Akta/Enakmen negeri-negeri
- Jadual 10-18** Bilangan Sebatan Dalam Akta/Enakmen Jenayah Syariah di Negeri-Negeri di Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran I** Statistik Jenayah Indeks Seluruh negara 1999-2002
- Lampiran II** Statistik Jenayah Syariah di Kelantan 1996-1999
- Lampiran III** Statistik Jenayah di Saudi Arabia

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

LATARBELAKANG KAJIAN

Seorang ahli sosiologi Islam iaitu Ibn Khaldun pernah mengungkapkan bahawa sebuah organisasi soisal yang baik serta menepati cirri-ciri masyarakat bertamadun seharusnya dipandu oleh satu sistem perundangan yang berteraskan agama kerana hukum-hukum Allah s.w.t adalah bertujuan mengatur perbuatan manusia disamping menjamin tercapainya maslahah kepada kehidupan mereka dunia dan akhirat.¹ Ini menunjukkan aspek perundangan serta penguatkuasaannya amat signifikan dalam konteks sesebuah masyarakat atau negara.. Tidak terkecuali dalam persoalan ini juga ialah undang-undang jenayah. Lantaran itu suatu peruntukan khas mengenainya telah terdapat dalam Islam yang dikenali dengan jenayah hudud dan takzir bagi mengawal serta membendung kecenderungan anggota masyarakat terhadap perlakuan jenayah seterusnya mendidik masyarakat itu ke arah satu cara hidup yang sihat dan sejahtera. Dari perspektif Islam, ia juga sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan. Di antara kaedah pencegahan dan pengawalan itu ialah melalui peruntukan beberapa jenis hukuman terhadap kesalahan-kesalahan di bawah kesalahan hudud, dan takzir. Bentuk-bentuk hukuman tersebut ialah hukuman rejam, sebat serta berbagai bentuk hukuman takzir yang lain. Kajian ini akan memfokuskan kepada hukuman sebat sebagai salah satu daripada bentuk hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang jenayah Islam bagi beberapa jenis kesalahan hudud dan takzir. Hukuman sebat juga masih dipraktikkan dalam sistem perundangan Malaysia. Ia termaktub di dalam beberapa statut yang berkaitan dengan

¹ Abd al-Rahman Ibn Khaldun (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr, hal.190-191

kesalahan-kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman sebat. Di antara statut-statut tersebut ialah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234], Akta Senjatapi 1960 [Akta 206], Akta Senjata Api Penalti lebih berat 1971[Akta 37], Akta Penculikan 1961 dan lain-lain lagi. Bagi kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah berat, penjenayah yang telah disabitkan dengan sesuatu kesalahan boleh dikenakan samada hukuman mati, penjara seumur hidup, penjara untuk tempoh tertentu, sebat dan juga hukuman denda. Ada juga pihak yang mendakwa hukuman tersebut sebagai keras dan kejam bahkan juga sebagai ganjal kerana masih dipraktikkan dalam senario perkembangan undang-undang jenayah kini yang semakin menuju kearah satu sistem undang-undang jenayah yang lebih berperikemanusiaan. R. H. Hickling misalnya mengatakan “*The history of Malaysian criminal Law since 1786 shows a steady move towards an increasingly humanitarian system, even if the twin abomination of hanging and whipping still remain on the statute book*”.² Kenyataan ini menunjukkan persepsi negatif beliau terhadap hukuman mati serta hukuman sebat di Malaysia. Dalam pada itu, indeks jenayah di negara ini masih berada pada tahap yang tinggi terutama yang melibatkan moral, jenayah kekerasan serta jenayah terhadap hartabenda. Statistik kes jenayah indek yang berlaku dalam negara sekitar 1976 hingga 1985 menunjukkan peningkatan jenayah berlaku dari setahun ke setahun.

Lihat dalam **Jadual 1** di bawah.

KESALAHAN	BILANGAN KES MENGIKUT TAHUN									
	1976	1977	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984	1985
Membunuhan	230	250	240	263	179	258	225	303	293	327
Percubaan membunuhan	86	55	47	63	78	52	55	51	63	59

² R. H. Hickling (2001), *Malaysian Law: An Introduction to The Concept of Law in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication, hal.173

Merompak Berkumpulan Dengan Senjata	45	18	19	30	40	51	48	50	61	55
Merompak Berkumpulan Tanpa Senjata	217	309	322	332	342	354	384	376	460	632
Merompak dengan Senjata	764	335	424	417	449	456	477	668	760	950
Merompak Tanpa Senjata	2583	3053	2873	3772	3906	4076	3601	4242	4710	6244
Rogol	289	303	312	388	368	360	441	460	470	530
Sengaja Menyebabkan Cedera dan Cedera Parah	1524	1796	1750	1998	2019	1955	1931	2059	2163	2684

Jadual 1. Sumber : Polis Diraja Malaysia

Indeks di atas jelas menunjukkan dalam tempoh tersebut kejadian jenayah-jenayah berat begitu banyak berlaku. Ia juga menunjukkan peningkatan jenayah yang membimbangkan dari setahun ke setahun. Apakah faktor yang menyumbang kepada situasi ini telah menimbulkan tanda tanya. Adakah ianya disebabkan oleh kurangnya kawalan keselamatan, atau bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah yang terdapat dalam undang-undang di negara ini belum cukup untuk membendung kegiatan jenayah serta menggerunkan penjenayah, atau penguatkuasaan undang-undang tidak cekap?

Perkembangan yang menarik berlaku pada tahun 2002 apabila laporan akhbar menyatakan tentang penurunan indeks jenayah dalam negara. Jadual 2 di bawah ini membuktikan penurunan tersebut bagi tempoh 1999 hingga 2002.

KESALAHAN	BILANGAN KES MENGIKUT TAHUN			
	1999	2000	2001	2002
JENAYAH KEGANASAN	21,157	21,604	20,390	20,843
JENAYAH HARTABENDA	169,115	167,173	156,469	149,042

Jadual 2. Sumber : Polis Diraja Malaysia

Jadual di atas menunjukkan kes-kes jenayah indek dalam negara semakin menurun untuk tempoh 1999 hingga tahun 2002. Apakah faktor yang membawa

kepada penurunan ini ? Dari perspektif pihak polis penurunan kadar jenayah mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah kesedaran yang semakin meningkat di kalangan orang awam terhadap penjagaan harta benda awam atau persendirian dan juga tindakan proaktif dan cekap pihak keselamatan dan pegawai-pegawai polis mencegah jenayah serta mendekati masyarakat di samping membuat penerangan kepada orang ramai terhadap salah laku jenayah serta tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka. Faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada peningkatan jenayah pula boleh dikaitkan dengan dengan faktor ekonomi dan sosial.³ Apabila dibandingkan antara statistik yang ditunjukkan dalam jadual 1 dan jadual 2 kita akan dapati hakikat sebenarnya, kadar kes-kes jenayah keganasan dan hartabenda adalah semakin meningkat dan bukannya menurun, walau pun hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang negara bagi jenayah keganasan atau harta benda adalah berat yang mana antara lainnya ialah hukuman mati madatori, hukuman penjara seumur hidup dan juga hukuman sebat. Ini jelas apabila kita merujuk kepada ke dua-dua jadual yang dipaparkan. Jadual 1 menunjukkan kepada kita jumlah jenayah keganasan yang berlaku untuk tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 1976 hingga 1985 ialah sebanyak 50 778 kes. Manakala jadual 2 pula menunjukkan untuk tempoh 4 tahun sahaja sahaja iaitu dari tahun 1999 hingga tahun 2002 jumlah jenayah keganasan ialah sebanyak 83 994 kes. Statistik ini dikemukakan untuk menunjukkan hakikat

³ Ini diakui oleh Ketua Inspektor Unit Risikan Jenayah IPK Selangor Tuan Samsolnizam bin Kassir semasa sesi temu bual dengan beliau pada 10.05.2003 jam 2.30 petang . Menurut beliau kebanyakan kejadian jenayah mempunyai kaitan dengan latarbelakang ekonomi dan sosial yang kurang baik, contohnya tidak mempunyai pekerjaan, taraf hidup yang rendah, kurang pelajaran dan sebagainya. Kebanjiran pendatang asing juga turut menyumbangkan kepada masalah ini. Golongan ini lazimnya akan mudah terlibat dengan perbuatan jenayah samada mencuri secara keci-kecilan atau pun melakukan rompakan bersenjata, menjadi pembunuhan upahan dan sebagainya. Menurut beliau lagi, perkembangan terkini lebih membimbangkan apabila golongan ini mula melakukn jenayah merompak berserta dengan rogo, bunuh dan bakar. Bagi yang melibatkan golongan mempunyai kedudukan ekonomi yang baik penglibatannya hanya memabitkan satu golongan kecil sahaja. Ia berpunca dari masalah kekurangan disiplin diri atau pun juga kerana latarbelakang keagamaan yang longgar.

sebenarnya ialah kes-kes jenayah di kalangan masyarakat kita semakin bertambah bukannya semakin menurun. Peningkatannya pula dalam jumlah yang besar. Ini menunjukkan seolah-olah wujudnya sikap “berani” untuk melakukan jenayah di kalangan masyarakat kita. Mereka seperti tidak takut kepada hukuman atau pun mungkin jahil tentang tentang undang-undang dan hukuman yang akan diterima serta telah diterima oleh orang lain? Di sini, kajian cuba mengaitkan antara peningkatan kes jenayah berat dengan keberkesanannya undang-undang serta pelaksanaan hukuman sebat yang telah di peruntukkan di negara ini disamping cuba menonjolkan alternatif yang dicadangkan oleh undang-undang jenayah Islam.

Dalam undang-undang jenayah Islam, hukuman sebat merupakan salah satu cara hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak bagi beberapa kesalahan hudud seperti kesalahan zina, qadhaf serta minum arak. selain itu hukuman sebat juga dibolehkan oleh Islam bagi kesalahan-kesalahan takzir. Hukuman sebat pernah dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w dan pemerintahan para sahabat r.’a.⁴ Hukuman sebat juga telah menjadi salah satu bentuk hukuman yang boleh dikenakan bagi pesalah jenayah syariah bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta/Enakmen undang-undang jenayah syariah mengikut negeri-negeri di Malaysia. Sementara itu kedapatan tohmahan serta kritikan yang dilontarkan oleh segelintir anggota masyarakat terhadap hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam seperti hukuman sebat, rejam serta potong tangan yang disifatkan sebagai kejam, tidak berperikemanusiaan serta bercorak barbarisme.⁵

⁴ Mohd.Said Ishak (2000). *Hudud dalam Fiqh Islam*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia, hal.40-42

⁵ Muhammad Iqbal Siddiqi (1985). *The Penal Law of Islam*. Lahore: Kazi Publications, hal.26

Berdasarkan latar belakang yang ada dalam undang-undang jenayah Islam serta senario semasa berkaitan dengan jenayah dalam negara, timbul beberapa persoalan apakah sebenarnya konsep hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang Islam dan apakah bezanya sebat yang ada dalam undang-undang jenayah sivil di Malaysia. Benarkah hukuman sebat adalah suatu yang kejam dan tidak berperikemanusiaan? Selain itu timbul juga persoalan betulkah persepsi sesetengah masyarakat yang menganggap hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam belum terbukti berkesan atau sekurang-kurangnya mereka menyamakannya dengan mana-mana bentuk hukuman yang terdapat dalam undang-undang ciptaan manusia. Timbul juga tanda tanya mengenai sejauh mana undang-undang jenayah syariah boleh diaplikasi di negeri-negeri serta sejauh mana hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang jenayah syariah tersebut memenuhi ciri-ciri hukuman sebat sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam ? Persoalan-persoalan inilah yang akan dikupas dalam kajian ini.

KAJIAN TERDAHULU

Terdapat beberapa penulisan terdahulu yang menyentuh mengenai aspek-aspek yang akan diperkatakan dalam kajian ini. Mahfodz Mohamad telah memperkatakan tentang hukum-hukum hudud berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan fukaha di dalam buku yang bertajuk *Jinayah Dalam Islam*.⁶ Abdul Halim el-Muhammady membincangkan tentang sejarah pemakaian undang-undang jenayah Islam di Malaysia dengan merujuk kepada peruntukan-

⁶ Mahfoudz Mohamad (Dr.)(1985), *Jinayah Dalam Islam : Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise

peruntukan yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka yang digubal sekitar tahun 1444 M.⁷ Di dalam bukunya yang bertajuk *Undang-Undang jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri* itu, antara lainnya memetik fasal-fasal yang berkaitan dengan hukuman sebat yang terdapat dalam Hukum Kanun seperti fasal 7:2 yang memperuntukkan hukuman sebat sebanyak 100 kali bagi kesalahan zina *ghair muḥṣān*, fasal 12:2 memperuntukkan hukuman sebat sebanyak 80 kali bagi kesalahan *qadhf* dan fasal 12:3 pula memperuntukkan hukuman sebat sebanyak 40 kali bagi kesalahan minum arak. Kanun Melaka ini telah menjadi undang-undang induk bagi kebanyakan undang-undang di negeri-negeri Melayu yang lain seperti mana yang terdapat dalam Undang-Undang Pahang, Undang-Undang Johor, Undang-Undang Terengganu, Kedah dan lain-lain. Dalam konteks perlaksanaannya, ia memang berlaku dan terpakai bukan sahaja kepada orang-orang Islam tetapi juga kepada orang-orang bukan Islam seperti mana yang ditulis oleh Tom Pires.

Paizah Hj Ismail juga telah menulis mengenai undang-undang jenayah Islam.⁸ Hukuman sebat telah dibincangkan sebagai salah satu daripada bentuk hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam. Hashim Mehat membincangkan secara perbandingan antara hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah sivil dalam bukunya bertajuk *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*⁹. Hukuman sebat merupakan antara bentuk hukuman yang dibincangkan. Selain itu dibahaskan

⁷ Abdul Halim el-Muhammady (1988), *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal.159-161

⁸ Paizah Hj Ismail (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

⁹ Hashim Mehat (1991), *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

juga hukuman sebat dari perspektif Islam termasuk pendapat para fukaha. Walau bagai mana pun perbahasan tersebut tidaklah terlalu terperinci kerana menumpukan kepada berbagai bentuk hukuman lain selain daripada hukuman sebat. Abdul Aziz Husin menulis satu panduan umum undang-undang jenayah di Malaysia dalam buku kecilnya bertajuk *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*.¹⁰ Di dalam buku ini beliau hanya menyentuh sedikit tentang statut-statut yang memperuntukkan hukuman sebat menurut undang-undang jenayah sivil. Kaedah pelaksanaannya pula tidak dibincangkan secara terperinci.

M. B. Hooker dalam buku *Islamic Law in Southeast Asia* mengakui bahawa undang-undang Islam telah menjadi teras atau tulang belakang kepada latar belakang sistem politik dan pemerintahan serta undang-undang di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Inggeris.¹¹ Rujukannya ialah teks Kanun Melaka dan Kanun Laut Melaka. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah menulis mengenai konsep dan asas pelaksanaan undang-undang jenayah Islam.¹² Mimi Kamariah Majid telah menulis mengenai prosedur hukuman sebat sebagai salah satu isi yang dibincangkan dalam buku *The Criminal Procedure In Malaysia*.¹³ Buku ini hanya membincangkan prosedur jenayah mengikut undang-undang jenayah sivil sahaja. Selain itu ia juga membincangkan mengenai hukuman sebat yang diparkitikan di Malaysia serta alasan-alasan yang membolehkan hukuman sebat dijatuhi.

¹⁰ Abdul Aziz Husin (1991), *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹¹ M.B Hooker (1992), *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*. Rohani Abdul Rahim et al (penterjemah) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.17.

¹² Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid (1992), *Undang-undang Jenayah Islam : Konsep dan Asas Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: BAHEIS.

¹³ Mimi Kamariah Majid (1995), *Criminal Procedure In Malaysia*. Second Edition,Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Tahir Mahmood dan lain-lain telah membuat satu perbincangan secara perbandingan antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah sivil dalam buku *Criminal Law in Islam and The Muslim World : A Comparative Study*.¹⁴ Buku ini turut membincangkan mengenai rasional dan keberkesanan hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam serta mengemukakan hujjah-hujjah bagi menolak dakwaan negatif golongan barat terhadap undang-undang jenayah Islam.

Prof Dr. Anwarullah dalam buku *The Criminal Law of Islam* telah mengupas mengenai hukuman sebat sebagai salah satu bentuk hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam.¹⁵ Oleh kerana itu perbincangan tentang hukuman sebat tidaklah terlalu terperinci. Perbincangan yang terdapat dalam buku ini juga tidak dibuat secara perbandingan dengan mana-mana bentuk hukuman yang terdapat dalam undang-undang yang lain. Mat Saat Abdul Rahman¹⁶ dan Mohd. Said Ishak¹⁷ juga telah mengupas tentang konsep hukum hudud yang terdapat dalam fiqh Islam. Di dalam buku-buku ini antara lainnya menjelaskan mengenai kosep undang-undang jenayah Islam serta kepentingan pelaksanaan hukum hudud kepada masyarakat.

Artikel-artikel di dalam jurnal juga telah dirujuk. Antaranya yang berkaitan ialah tulisan Faizah Ismail bertajuk “ Kaedah dan Cara Pelaksanaan Hukuman Sebat :

¹⁴ Tahir Mahmood et al (1996), *Criminal law in Islam And The Muslim World. A Comparative Study*. New Delhi: Institute of Objective Studies.

¹⁵ Anwarullah (Prof. Dr.) (1997), *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen.

¹⁶ Mat Saat Abdul Rahman (Dr.) (1999), *Jenayah Hudud*. Shah Alam: Hizbi.

¹⁷ Mohd. Said Ishak (Dr.)(2000). *Hudud Dalam Fiqh Islam* . Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Satu Penilaian”¹⁸ dan tulisan Ashraf Hashim di dalam Jurnal Syariah bertajuk “Kaedah pelaksanaan Hukuman Sebat Menurut Perspektif Islam”¹⁹. Artikel-artikel tadi menyimpulkan bahawa hukuman sebat menurut perspektif undang-undang jenayah Islam bukanlah suatu hukuman kasar yang tidak sesuai dengan perkembangan tamadun manusia. Horowitz menulis mengenai reformasi undang-undang Islam di Malaysia.²⁰ Antara isu yang dibangkitkan ialah dualisme undang-undang di Malaysia serta masalah ketidak selarasan undang-undang Islam di antara negeri-negeri.

Berdasarkan analisa literatur di atas, didapati kebanyakan hasil penulisan yang ada hanya memfokuskan kepada hukuman sebat dari perspektif undang-undang tertentu sahaja samada Islam atau pun sivil. Perbincangan yang membuat kupasan secara perbandingan tidak banyak kedapatan. Atas alasan ini, maka penulis merasakan amat perlu untuk mengkaji tentang hukuman sebat menurut perspektif Islam serta undang-undang jenayah di Malaysia. Kajian ini juga akan meninjau sejauh mana pengamal undang-undang jenayah syariah di Malaysia hari ini mengaplikasi peruntukan-peruntukan hukuman yang terdapat dalam hukum fiqh jenayah Islam sejauh bidang kuasa yang dibenarkan kepada mereka.

¹⁸ Faizah Ismail (1993), “Kaedah dan Cara Pelaksanaan Pelaksanaan Hukuman Sebat: Satu Penilaian” dalam *Jurnal Syariah*, Jil 1 Bil 1, Jan-Jun 1993, hal 56-63.

¹⁹ Ashraf Hashim (2000), “Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam” dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 8, Bil 2 Tahun 2000, hal 1-14.

²⁰ Donald L. Horowitz (1994), “The Qur'an and the Common Law: Islamic Reform and the Theory” of Legal Change” dalam *The American Journal of Comparative Law*, Jil. 42, Tahun 1994, hal. 254-292.

HIPOTESIS

Hukuman sebat yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah Islam adalah cara yang terbaik untuk menangani permasalahan jenayah dan salah laku di kalangan anggota masyarakat. Pelaksanaannya pula lebih menepati maslahah samada untuk diri pesalah atau pun masyarakat awam. Oleh itu anggapan bahawa ia adalah satu hukuman yang dahsyat atau zalim adalah tidak benar. Sedangkan hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang jenayah sivil adalah lebih kuat seksaannya tetapi kurang keberkesanannya. Hukuman sebat dan pelaksanaannya mengikut Akta/Enakmen jenayah Syariah di Malaysia pula belum memenuhi ciri-ciri hukuman Islam yang sebenar kerana bidang kuasa khas untuk melaksanakannya amat terbatas.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengetahui segala peruntukan yang berkaitan dengan hukuman sebat di dalam al-Quran dan al-Hadith serta teks undang-undang jenayah di Malaysia.
2. Mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat dalam undang-undang jenayah Islam dan juga undang-undang jenayah sivil di Malaysia
3. Membuat perbandingan mengenai cara pelaksanaan hukuman sebat antara hukum Islam dan undang-undang Malaysia.
4. Menjelaskan mengenai gambaran sebenar hukuman sebat menurut Islam bagi memperbetulkan tanggapan salah oleh sebahagian anggota

masyarakat yang menganggapnya sebagai zalim dan tidak berperikemanusiaan.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan hanya menumpukan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan hukuman sebat dari segi konsep serta kaedah pelaksanaanya. Ia melibatkan analisa secara perbandingan terhadap sebat menurut hukum Islam, undang-undang jenayah sivil serta undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Kajian juga membincangkan aspek pelaksanaan hukuman sebat sebagai mana yang dipraktiskan di Penjara Kajang, Penjara Sungai Buloh dan juga amalan sebat syariah di negeri Kelantan. Analisa pelaksanaan hukuman sebat menurut perspektif undang-undang jenayah syariah juga terhad kepada negeri Kelantan sahaja kerana kebanyakan negeri-negeri lain masih belum mengguna pakai peruntukan hukuman sebat yang ada, bahkan masih ada negeri yang belum mempunyai kaedah sebat syariah. Skop kajian ini adalah terhad kepada Akta/Enakmen serta pindaan-pindaan yang berlaku sehingga bulan Disember 2002 sahaja. Ianya tidak termasuk mana-mana pindaan yang berlaku selepas daripada tempoh tersebut. Kajian ini juga terhad kepada beberapa statut yang berkaitan dengan kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah sivil, antaranya yang telah dipilih ialah Kanun Keseksaan Malaysia, Akta Dadah Merbahaya, Akta Senjatapi dan Akta Senjatapi Penalti lebih Berat, Akta Memperbaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) dan juga Akta Penculikan.

:

LIMITASI KAJIAN

Terdapat beberapa limitasi dalam menyempurnakan kajian ini, antaranya tidak berjaya mendapatkan statistik hukuman sebat di penjara atas alasan maklumat tersebut adalah sulit. Ini menyebabkan kajian ini tidak dapat membuat analisa yang tepat mengenai kadar naik turun bilangan pesalah yang dijatuhi hukuman sebat dari setahun ke setahun. Sehubungan dengan itu rumusan dibuat hanya berdasarkan bilangan jenayah kekerasan yang melibatkan hukuman sebat sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dibuat dengan menggunakan beberapa kaedah penyelidikan. Antaranya kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data.

1. Kaedah Pengumpulan Data

Proses pertama kajian ini bermula dengan usaha mengumpulkan sebanyak mungkin data-data yang berkaitan dengan tajuk. Untuk tujuan ini dua cara pengumpulan data telah digunakan iaitu :

i) Penyelidikan Perpustakaan

Sebahagian besar daripada data-data adalah didapati melalui penyelidikan perpustakaan. Oleh itu kajian ini banyak merujuk kepada keterangan al-Quran dan al-Hadith melalui kitab-kitab tafsir dan hadith, pendapat fukaha

Islam yang dipetik daripada kitab-kitab turāth dalam bidang fiqh berbagai mazhab seperti al-Syāfi‘ī, Ḥanbalī, Ḥānafī, Mālikī serta al-Zāhiri. Selain itu data-data juga di perolehi daripada buku-buku undang-undang jenayah yang ditulis oleh fukaha dan sarjana kontemporari samada dalam bidang jenayah Islam atau pun sivil, jurnal-jurnal, penulisan ilmiah ,artikel-artikel, laporan seminar , laporan-laporan akhbar dan juga statut-statut seperti Kanun Keseksaan Malaysia, Kanun Prosedur jenayah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah , Enakmen Prosedur Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia, Akta Penjara serta statut-statut yang ada peruntukan sebat samada yang di guna pakai di mahkamah syariah ataupun di mahkamah sivil. Selain itu data-data kes juga diakses melalui laman web LEXIS

ii) Kaedah Temubual

Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat khusus seperti pendapat pengamal undang-undang serta pelaksana hukuman sebat syariah atau pun sivil. Maklumat-maklumat tersebut biasanya tidak dapat diperolehi di perpustakaan. Untuk tujuan itu, temubual bersama Ketua Hakim Syar‘ie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Bahagian Penguatkuasaan di JAWI dan juga pegawai di JKSM telah dibuat . Selain itu, data-data turut diperolehi melalui temubual bersama Pegawai Penguatkuasa di Penjara Kajang dan juga Ibu pejabat Penjara Malaysia. Di Penjara Kajang, data-data turut diperolehi melalui observasi terhadap pelaksanaan hukuman sebat rotan

yang ditunjukkan di ruang pameran yang disediakan. Kajian ini juga telah mendapat kerjasama daripada Ibu pejabat PDRM Bukit Aman, Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat tentang statistik indeks jenayah kekerasan seluruh negara bagi beberapa tahun.

2. Kaedah Penganalisaan Data

Bagi tujuan menganalisa data-data yang diperolehi penulis telah menggunakan tiga kaedah iaitu analisa secara deduktif, induktif dan komparatif. Dalam bab yang ke dua metod induktif telah digunakan untuk menganalisa data-data yang dikumpul. Contohnya penulis mengemukakan data-data yang bersifat khusus daripada teks al-Quran, al-Hadith, pandangan fukaha Islam serta undang-undang jenayah di Malaysia. Apabila data-data itu dianalisa penulis merumuskan bahawa kesalahan-kesalahan yang dikenakan hukuman sebat dalam undang-undang jenayah Malaysia tidak memenuhi kehendak Islam.

Selain dari itu metod deduktif juga telah digunakan bila mana penulis mencari kesimpulan sesuatu masalah berdasarkan data-data yang bersifat umum kemudian dirumuskan kepada satu kesimpulan yang lebih khusus. Misalnya dalam bab yang ketiga penulis telah mengemukakan data-data berkaitan dengan hadith Rasulullah s.a.w yang menyentuh tentang cara-cara menjalankan sebatan serta ulasan para fukaha mengenainya. Dari situ penulis membuat satu rumusan bahawa Islam menetapkan ciri kesederhanaan dalam mengenakan pukulan sebat kepada pesalah. Selain itu metod ini juga digunakan dalam bab yang keempat di mana berdasarkan data-data umum tentang kejadian jenayah di Malaysia kajian

merumuskan bahawa hukuman sedia ada kurang mempunyai unsur-unsur pencegahan jenayah samada kepada pesalah atau masyarakat umum.

Seterusnya kajian ini menggunakan ialah kaedah komparatif. Kaedah ini paling banyak dipakai dalam bab dua, tiga dan bab empat. Misalnya dalam bab ke dua data-data mengenai kesalahan-kesalahan yang dikenakan hukuman sebat dalam undang-undang Islam dan sivil telah dibandingkan dan penulis merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang besar antara kedua-duanya dalam menilai berat atau ringannya sesuatu kesalahan itu. Begitu juga dalam bab yang ke tiga, data-data mengenai cara pelaksanaan telah di analisa secara berbanding dan penulis merumuskan bahawa antara kaedah yang digunakan dalam undang-undang Malaysia serta kaedah yang ada dalam undang-undang Islam ada perbezaan sedangkan objektifnya hampir-hampir sama.